

SIARAN MEDIA

KPWKM PERKASA REMAJA MALAYSIA MELALUI PEKERTI NEGARA

KUCHING, 4 JULAI 2026 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperkukuh usaha melindungi remaja daripada pelbagai cabaran sosial dan ancaman dunia digital menerusi pelancaran Program PEKERTI Negara, yang menyasarkan penyertaan seramai 150,000 remaja dalam kalangan institusi pendidikan dan komuniti, melibatkan sejumlah 60,000 murid di 1,000 sekolah di seluruh negara.

Inisiatif yang dilaksanakan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ini memberi fokus kepada pemerkasaan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) bagi membentuk generasi muda yang mempunyai jati diri kukuh, berdaya tahan serta mampu membuat keputusan yang bertanggungjawab.

Dalam ucapan perasmian, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menegaskan bahawa remaja hari ini berdepan cabaran yang semakin kompleks, khususnya akibat perkembangan pesat teknologi digital yang mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko termasuk buli siber, eksploitasi seksual, *sexual grooming* dan penipuan dalam talian.

Situasi tersebut turut disokong oleh data semasa yang menunjukkan isu kesejahteraan remaja masih memerlukan perhatian serius. Bagi tempoh 2019 hingga 2024, sebanyak 21,114 kes remaja hamil dan tidak berkahwin berusia antara 10 hingga 19 tahun direkodkan di fasiliti kesihatan kerajaan.

Sehubungan itu, Program PEKERTI Negara diperkenalkan sebagai pendekatan pendidikan yang lebih menyeluruh, bukan sekadar meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif, malah memperkukuh nilai moral, kemahiran membuat keputusan, daya tahan diri serta tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Bagi memastikan penyampaian mesej lebih berkesan, program ini bakal melahirkan 1,000 *Junior Teen Educator (Junior TE)* di seluruh negara yang akan berperanan sebagai ejen perubahan melalui pendekatan pendidikan rakan sebaya (*peer-to-peer*).

Di Sarawak, pelaksanaan program KafeTEEN bersama sekolah pada tahun ini melibatkan 60 *Junior Teen Educator* dan sejumlah 5,000 peserta remaja di sekolah, dengan sasaran memberi manfaat kepada lebih 25,000 remaja di sekolah menjelang tahun 2030.

Majlis pelancaran turut menghimpunkan penyertaan lapan sekolah menengah yang melaksanakan Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) KafeTEEN sebagai platform memperluas pendidikan PEKERTI di sekolah.

Dalam pada itu, ibu bapa turut diseru memainkan peranan sebagai benteng pertama dalam melindungi anak-anak dengan membina komunikasi yang terbuka, memahami cabaran yang dihadapi remaja serta menjadi tempat mereka mendapatkan bimbingan dan sokongan.

KPWKM melalui LPPKN akan terus memperkukuh kerjasama bersama sekolah, ibu bapa, komuniti dan rakan strategik bagi memastikan agenda pembangunan remaja dilaksanakan secara menyeluruh, seiring dengan nilai PEKERTI yang dibawa iaitu **Peka, Peduli, dan Prihatin**, sekali gus melahirkan generasi yang sejahtera, berdaya tahan dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM; YBhg. Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim, Pengerusi LPPKN; YBhg. Dato' Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN; YBrs. Encik Omar bin Haji Mahli, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak; wakil kementerian, agensi kerajaan, rakan strategik dan pemegang taruh berkaitan.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
4 JULAI 2026